

10/04/1997

Blok ekonomi Islam tidak perlu: PM

Haniff Hadi in Manama (Bahrain)

MANAMA (Bahrain), Rabu - Negara-negara Islam tidak perlu menubuhkan blok ekonomi kerana ia hanya mewujudkan sekatan perdagangan yang merugikan umat Islam sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, apa yang perlu dilakukan oleh negara-negara Islam ialah bekerjasama dan memperbaiki prestasi masing-masing.

"Adalah lebih wajar untuk menjalin kerjasama dan bukannya mewujudkan blok ekonomi. Mewujudkan blok ekonomi bermakna membina sekatan perdagangan ke atas diri kita. Itu merugikan.

"Blok ekonomi menghalang negara-negara lain daripada menikmati kemakmuran dan ini bertentangan dengan prinsip agihan kekayaan yang wajar," katanya dalam sesi dialog dengan usahawan dan tokoh kewangan Bahrain lewat semalam.

Dr Mahathir sebagai menjawab soalan seorang pegawai kanan bank di Bahrain mengenai kewajaran dan masa depan blok ekonomi Islam.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia sedia berunding dengan mana-mana kumpulan tetapi tidak setuju dengan blok-blok ekonomi sedia ada seperti Perjanjian Perdagangan Amerika Utara (Nafta).

Malaysia menganggap negara yang mengadakan kerjasama dengan Kuala Lumpur sebagai rakan dialog yang sentiasa dihubungi untuk menyelesaikan masalah.

"Baru-baru ini, Turki menjemput Malaysia menyertai blok ekonomi lapan negara. Walaupun Malaysia sedia berunding dengan mana-mana kumpulan, blok negara-negara seperti itu hanya akan menjadi medan untuk bersebang, " katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu dilakukan oleh negara-negara Islam ialah meningkatkan keupayaan teknologi, kepakaran dan pengetahuan.

Menurutnya, ramai orang Islam meninggalkan negara Islam kerana negara mereka kekurangan dalam pelbagai kemudahan dan tidak menyediakan iklim pekerjaan yang sesuai.

"Pengetahuan orang Islam yang belajar di luar negara amat diperlukan. Jika khidmat dan kepakaran mereka tidak dapat dimanfaatkan, negara Islamlah yang rugi. Oleh itu, kita mesti membawa mereka balik dengan menyediakan infrastruktur sesuai," katanya.

Malaysia membawa masuk profesional dari Uzbekistan untuk menggunakan tenaga pakar mereka yang tidak dimanfaatkan dan terbiar di negara mereka.

Beliau menjelaskan, jika mereka terus berada di Uzbekistan tanpa pekerjaan dan suasana serta kemudahan yang sesuai, ada kemungkinan mereka akan berhijrah ke negara lain.

Dr Mahathir juga ditanya kemungkinan menggunakan Bahrain sebagai pintu masuk barangan Malaysia untuk diedarkan semula ke negara-negara Teluk yang lain.

Dalam jawapannya, Dr Mahathir berkata perkara itu boleh dibincang jika permintaan terhadap barangan Malaysia oleh negara-negara Teluk itu besar.

"Umpamanya, kilang penapis minyak sawit boleh diadakan di Bahrain jika permintaannya besar. Kalau permintaannya besar, kita boleh bincang untuk wujudkan usaha sama," katanya.

(END)